

# Hutan: Negara maju wajar tunai komitmen

BH - 8 AUG 2000

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara maju perlu mengesah serta menunaikan komitmen mereka untuk menyediakan bantuan kewangan dan teknologi kepada negara membangun bagi mencapai pengurusan hutan mapan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengurusan hutan harus digalakkan menerusi dasar perdagangan dan alam sekitar bagi kepentingan bersama, bukan menerusi pemuliharaan serta pengharaman produk perhutanan, terutama dari hutan tropika.

"Sekatan perdagangan dan alam sekitar tidak akan mengurangkan pembasmian hutan. Sebaliknya, pasaran lebih besar membantu menggalakkan pengurusan hutan mapan

“  
**Sekatan perdagangan dan alam sekitar tidak akan mengurangkan pembasmian hutan. Sebaliknya, pasaran lebih besar membantu menggalakkan pengurusan hutan mapan dengan menyediakan hasil yang diperlukan bagi tujuan itu**  
”

- Dr Mahathir Mohamad

dahulu hampir hilang tanpa sebarang usaha bersepadu untuk menghijaukan bumi walaupun dalam peringkat permulaan.

"Malaysia mempercayai negara maju akan mengumpulkan sumber untuk membantu melaksana-

ngan Rio.

Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED) menganggarkan RM121 bilion diperlukan untuk melaksanakan program perhutanan.

dengan menyediakan hasil yang diperlukan bagi tujuan itu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada perasmian Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa bagi Pertubuhan Perhutanan (IUFRO) ke-21, bertema 'Hutan dan Masyarakat - Peranan Penyelidikan', di sini hari ini.

Teks ucapan beliau pada kongres yang dihadiri 2,300 peserta dari 91 negara itu dibacakan oleh Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dr Mahathir berkata, jika dunia ingin mencapai pengurusan hutan mapan, pemindahan teknologi dari negara Utara ke Selatan harus dilaksanakan seperti dipersetujui pada Sidang Sidang Kemuncak Bumi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Rio de Janeiro pada 1992.

Beliau berkata, malangnya, setelah lapan tahun berlalu, keadaan masih seperti biasa dan gembur yang dicetuskan

kan program perhutanan dan penghutanan semula di negara miskin. Tetapi setiap negara dibiarkan bersendirian untuk melaksanakan program perhutanan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, setakat ini tiada persetujuan mengenai keperluan bagi instrumen itu disebabkan kebuntuan berhubung isu-isu kritikal, termasuk kewangan, pemindahan teknologi dan perdagangan.

"Kami percaya bahawa instrumen sah itu akan memudahkan pencapaian pengurusan hutan secara mapan dengan menyediakan satu kerangka kerja telus dan penjagaan sama rata bagi semua hutan," katanya.

Sambil mengulangi pendirian proaktif Malaysia terhadap isu global mengenai hutan dan alam sekitar, Perdana Menteri berkata, Malaysia terbabit secara aktif untuk melaksanakan Pengisytiharaan Agenda 21 sejak persida-

Mengenai kedudukan hutan di Malaysia, Dr Mahathir berkata, hutan semula jadi meliputi kira-kira 58 peratus kawasan tanah negara dan angka itu mencapai 72 peratus jika dicampur ladang getah dan kelapa sawit.

"Kami berikrar dan akan terus berpegang kepada ikrar ini bahawa liputan hutan akan kekal pada tahap minimum 50 peratus daripada kawasan tanah. Ini adalah sumbangan kami kepada penduduk dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga bertindak untuk mengukuhkan amalan perhutannya selaras konsep pengurusan hutan mapan termasuk memperluaskan saiz hutan kekal dari 12.7 juta hektar kepada 14.1 juta hektar.

Malah, Malaysia turut memperkemas dan mengenakan hukuman denda yang lebih berat bagi kesalahan berkaitan hutan di samping meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan.